



TAHNIAH...Kelly Jauding (kiri) pelajar B40 Khas menerima ijazah sarjana muda daripada Dr. D Kamarudin (kanan) pada Majlis Konvokesyen UMS tahun lalu. Beliau juga merupakan penerima anugerah Ijazah Kelas Pertama dan Hadiah Zainal Abidin Bador.

89 pelajar B40 khas terima ijazah pada Majlis

Konvokesyen UMS Ke-20

NST 24.11.2018 2

KOTA KINABALU: Seramai 89 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah Pelaksanaan Mekanisme Mod Kemasukan Baharu bagi isi rumah 40 peratus terendah (B40) menamatkan pengajian dan menerima ijazah sarjana muda dalam Majlis Konvokesyen UMS ke-20 di Dewan Canselor UMS yang bermula 24-26 November 2018.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, kumpulan B40 Khas yang diraikan pada Majlis Konvokesyen pada tahun ini merupakan graduan kumpulan ketiga sejak inisiatif itu yang dikenali sebagai Merobah Idea Menjadi Realiti (MENITI) diperkenalkan pada tahun 2013.

“Selain sebagai sebuah pusat sebaran ilmu pengajian tinggi, sesungguhnya UMS juga sentiasa prihatin dalam mengutamakan kebajikan dan peluang sama rata untuk warga Sabah. Para pelajar ini yang ditawarkan menerusi program B40 Khas kesemuanya berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan tinggal di pedalaman negeri Sabah.

“Tujuan utama kita adalah sebagai usaha bagi mengelakkan mereka tercicir daripada arus pendidikan negara di samping membantu memajukan diri dan meningkatkan taraf hidup sekali gus mengubah nasib keluarga masing-masing,” katanya dalam satu kenyataan media.

Prof. Datuk Dr. D Kamarudin berkata, rekod graduan B40 Khas ini agak memberangsangkan walaupun ramai di antara mereka pada awalnya tidak menerima sebarang tawaran dari mana-mana universiti.

“Melalui inisiatif ini, seramai 67 orang kumpulan pertama ambilan B40 Khas berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2016. Pada tahun lalu kita juga menyaksikan seorang graduan B40 Khas, Kelly Jauding menamatkan pengajian dengan Ijazah Kelas Pertama melalui keputusan (PNGK) 3.73 sekali gus menerima pengiktirafan Hadiah Zainal Abidin Bador.

“Manakala tahun ini, seramai 21 graduan B40 Khas juga turut menunjukkan pencapaian memberangsangkan dengan meraih keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 ke atas,” tambahnya.

Majlis Konvokesyen UMS ke-20 menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 5,003 graduan iaitu 55 ijazah Doktor Falsafah, 603 ijazah Sarjana, 4,276 ijazah Sarjana Muda dan 69 Diploma.

Konvokesyen pada kali ini turut menyaksikan pemahsyuran dua Pro-Canselor baharu UMS, iaitu Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Haji Apdal dan Pengerusi Eksekutif Amcorp Group Berhad, Tan Sri Azman Hashim.